

Cuepacs minta kecuualikan PTK

Bantu kakitangan rendah dapat anjakan gaji

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar dan Hassan Omar

PUTRAJAYA: Cuepacs mahu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membatalkan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) untuk kumpulan dua kakitangan sokongan sebagai langkah segera membantu mereka, khususnya berpendapatan rendah mendapat anjakan gaji.

Timbalan Presiden Satu Cuepacs, Omar Osman, berkata kakitangan rendah dalam kumpulan sokongan, khususnya Gred 1 hingga Gred 16 kurang pengetahuan am dan penguasaan akademik kurang baik menyebabkan mereka sering gagal PTK.

Namun katanya, mereka mempunyai kemahiran tinggi untuk menyempurnakan tugas dengan cemerlang sama ada sebagai tukang masak, tukang kebun, pemandu, atendan kesihatan serta atendan haiwan.

Beliau yang juga Pengerusi Semakan Gaji Cuepacs berkata, Cuepacs mencadangkan pergerakan gaji untuk kakitangan sokongan kumpulan dua yang rata-rata berkelulusan darjah enam hingga tingkatan tiga dibuat berdasarkan penilaian ketua jabatan.

"Cadangan kita untuk menaikkan gaji mereka sebanyak 40 peratus yang akan dihantar Disember ini mungkin memakan masa berta-

hun-tahun sebelum diluluskan oleh JPA dan sementara itu Cuepacs meminta PTK untuk mereka dimansuhkan," katanya.

Berita Harian semalam melaporkan, masih ada kakitangan kerajaan kumpulan sokongan dua menikmati gaji permulaan serendah RM480 sebulan yang tidak disemak sejak Skim Saraan Baru (SSB) diperkenalkan pada 1990.

Sementara itu, Setiausaha Agung Cuepacs, Ahmad Shah Mohd Zain, berkata PTK bukan saja menghalang kakitangan awam, terutama kumpulan sokongan dan rendah menikmati kenaikan gaji, malah memperluas budaya ketidakseimbangan moral.

Katanya, JPA perlu mengkaji semula elemen PTK dalam Skim Sa-

raan Malaysia (SSM) bagi memberi peluang kepada semua kakitangan awam menerima anjakan gaji kerana PTK tidak praktikal dijadikan landasan penilaian prestasi kerja.

"Ada tukang kebun tak tahu membaca dan menulis. Apabila keluar dari dewan peperiksaan yang ditinggalkannya atas meja hanya kertas kosong.

"Contoh lain, soalan berkaitan Perintah Am. Kalau ditanya mengenai cuti tahunan atau cuti sakit, dia tahu tetapi jika ditanya mengenai cuti kuarantin atau cuti gantian, dia tak faham," katanya.

Ahmad Shah berkata, anjakan gaji berdasarkan PTK menimbulkan rasa tidak puas hati kakitangan awam yang sudah lama berkhidmat, berbanding yang baru.

"Bandingkan seorang guru berusia 45 tahun yang sudah berkhidmat 24 tahun dengan seorang guru berusia 25 tahun yang baru setahun mengajar. Dalam ujian PTK, tentu guru yang baru habis belajar menjawab lebih baik," katanya.

Beliau menjelaskan, PTK hanya satu daripada tujuh ciri SSM tetapi ketua jabatan lebih gemar menggunakannya sebagai penilaian utama berbanding ciri lain seperti menghantar kakitangan berkursus atau menganjur latihan dalaman.

FAKTA NOMBOR

Isu gaji kakitangan rendah kumpulan sokongan

40 %

Cadangan kenaikan bagi kakitangan Gred 1 hingga 16

RM 480

Gaji permulaan kakitangan kumpulan sokongan sejak 1990